

# Sektor kilang jangka niaga separuh pertama 2017 tambah baik

LEBIH separuh firma setempat dalam sektor pengilangan menjangkakan keadaan niaga akan bertambah baik bagi separuh pertama tahun ini, demikian menurut satu tinjauan Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB).

Namun, dalam satu tinjauan berasingan yang dijalankan oleh Jabatan Statistik Singapura (DOS), firma perkhidmatan menjangkakan keadaan niaga akan bertambah buruk dalam enam bulan pertama tahun ini.

Sebanyak 76 peratus firma dalam sektor pengilangan meramalkan keadaan kekal sama dari Januari hingga Jun tahun ini, berbanding dengan suku keempat tahun lalu.

Sebanyak 13 peratus menjangkakan sektor pengilangan akan bertambah baik – lebih tinggi daripada 11 peratus yang meramalkan perniagaan akan bertambah perlahan.

Paling optimis ialah sektor pengilangan, dengan 26 peratus menjangkakan perniagaan akan bertambah baik.

Sentimen lebih optimis itu didorong oleh jangkaan rumpun semi-

konduktor yang akan bertambah baik sejajar dengan keadaan pasaran yang lebih baik.

Di sebalik prospek yang lebih baik, 16 peratus syarikat pengilangan merancang menggajikan bilangan pekerja yang lebih rendah bagi suku pertama tahun ini berbanding suku keempat tahun lalu.

Firma dalam kejuruteraan pengangkutan, industri pengilangan umum dan kejuruteraan jitu menjangkakan menggajikan bilangan pekerja lebih rendah.

Dalam sektor perkhidmatan Singapura, sebanyak 14 peratus firma menjangkakan perniagaan akan semakin perlahan bagi Januari hingga Jun tahun ini, daripada 8 peratus sebelum ini.

Dalam sektor perkhidmatan, firma pengangkutan dan penyimpanan adalah paling pesimis, dengan 43 peratus firma menjangkakan perniagaan akan bertambah buruk.

Syarikat perkapalan, khususnya, menjangkakan ekonomi sejagat dan permintaan pengguna yang lemah akan menjejaskan kargo bagi enam bulan pertama tahun ini.

## 5 anggota baru dilantik dalam lembaga pengarah EDB

LIMA anggota baru telah dilantik ke dalam lembaga pengarah bagi Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) Singapura, manakala tiga anggota pengarah telah meletak jawatan selepas tamat penggal khidmat mereka, menurut kenyataan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI).

Mereka yang baru dilantik itu ialah Ketua Eksekutif Hitachi Ltd (Asia-Pasifik), Encik Ichiro Iino; Dekan Insead, Profesor Ilian Lubomirov Mihov; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif IBM Asia-Pasifik, Encik Randy Isaac Walker; CEO Keppel Corporation, Encik Loh Chin Hua; dan CEO Bursa Singapura (SGX), Encik Loh Boon Chye. Pelantikan mereka berkuat ku-

sa hari ini.

Mereka yang meninggalkan lembaga itu ialah CEO dan Pengarah Urusan Tata Communications Ltd, Encik Vinod Kumar; Penasihat ST Engineering, Encik Tan Pheng Hock; dan Timbalan Presiden Bagi Perancangan Strategik Chevron Corporation, Encik Mark Nelson.

Mereka secara rasmi meninggalkan jawatan itu semalam.

EDB merupakan agensi pemerintahan utama yang bertanggungjawab dalam perancangan dan melaksanakannya strategi bagi meningkatkan kedudukan Singapura sebagai sebuah pusat perniagaan sejagat.

Lembaga Pengarah EDB itu dipengerusikan oleh Dr Beh Swan Gin.

### EKONIAGA

## Pinjaman bank tumbuh 1.1% Disember lalu

BANK-BANK Singapura memberikan pinjaman lebih tinggi kepada pengguna dan syarikat pada Disember.

Pinjaman bank Singapura tumbuh 1.1 peratus bagi Disember berbanding November tahun lalu, demikian menurut perangkaan awal Penguasa Kewangan Singapura (MAS).

Pertumbuhan itu adalah lebih

tinggi daripada kenaikan 0.4 peratus yang dicatatkan pada November berbanding Oktober.

Pinjaman diberikan melalui unit perbankan domestik – yang mencerminkan pinjaman dalam semua mata wang terutama dolar Singapura – mencecah \$617.35 bilion pada Disember, berbanding dengan jumlah sebanyak \$610.62 bilion pada November.

Prestasi kukuh itu didorong oleh pertumbuhan 1.1 peratus bagi pinjaman perniagaan yang mencapai \$367.01 bilion.

Pinjaman bagi syarikat pengilangan tumbuh paling pantas sebanyak 3.7 peratus mencapai \$26.23 bilion.

Pinjaman bagi industri binaan juga meningkat 1.6 peratus kepada \$121.39 bilion, manakala bagi indus-

tri kewangan ia naik 1 peratus kepada \$80.31 bilion.

Pinjaman pengguna tumbuh 0.3 peratus kepada \$250.34 bilion disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman perumahan dan pinjaman sementara (*bridging*) yang diberikan kepada peniaga.

Berbanding dengan Disember 2015, pinjaman bank juga meningkat 2.8 peratus.

## MDIS rancang perluas rangkaian institusi pendidikan ke lebih banyak negara



KAMPUS LUAR PERTAMA: Kampus MDIS di Tashkent, ibu kota Uzbekistan, berkembang pesat sejak ditubuhkan pada 2008. Kini MDIS mahu mengembangkan lagi sayap ke banyak negara lain. – Foto MDIS

INSTITUT Pembangunan Penguasaan Singapura (MDIS) merancang meluaskan rangkaian institusi pendidikannya ke rantau Asia Tenggara dan Asean.

Ini termasuk beberapa negara Asean seperti Myanmar, Filipina, Laos, Indonesia dan Kemboja selain Sri Lanka serta India.

Setiausaha Agung MDIS, Dr R Theyvendran, memberitahu bahawa rancangan itu terangkum dalam perancangannya mahu menembusi potensi lebih banyak negara di Asia.

Beliau memberitahu demikian dalam pertemuan dengan media setempat sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, beliau berakut berakut turut mencari bakat setempat untuk menguruskan pembukaan kampus MDIS di serata negara itu kelak.

“MDIS merancang membuka enam atau tujuh kampus lagi di luar negara.”

“Kami memerlukan bakat setempat dalam menguruskan kampus dan pelbagai bentuk pengurusan di luar negara,” ujar Dr Theyvendran. Menurutnya, MDIS telah dita-



“Malaysia adalah pusat pendidikan bagi kami dan kini seramai 7,500 pelajar mendaftar di sana dan memulakan pengajian di City Square buat masa ini sebelum berpindah ke kampus baru pada Jun ini. Namun ingin kami tegaskan bahawa kampus di Singapura masih menjadi nadi perkembangan pendidikan kami di sini.”

– Setiausaha Agung MDIS, Dr R Theyvendran.

nya beberapa pihak berkuasa dari negara-negara tersebut berhubung kemungkinan MDIS menubuhkan kampus di luar negara itu.

MDIS berpengalaman dalam menubuhkan kampus di luar negara seperti MDIS Tashkent, ibu kota Uzbekistan, didirikan pada September 2008 yang telah mendapat sam-

butan hangat dari pelajar di sana.

Ia juga melabur di Iskandar Malaysia bagi membangunkan sebuah kampus pendidikan tinggi di EduCity@Iskandar yang dilengkapi dengan asrama.

“Malaysia adalah pusat pendidikan bagi kami dan kini seramai 7,500 pelajar mendaftar di sana dan mem-

ulakan pengajian di City Square buat masa ini sebelum berpindah ke kampus baru pada Jun ini. Namun ingin kami tegaskan bahawa kampus di Singapura masih menjadi nadi perkembangan pendidikan kami di sini,” ujar Dr Theyvendran.

Ditubuhkan pada 1956, MDIS ialah institut profesional bukan mencari untung tertua Singapura.

### INFORMASI

Hubungi kami:  
**Berita Harian**  
**Berita Minggu**  
Level 3, Annex Block  
1000 Toa Payoh North,  
Singapura 318994  
E-mel: bhnews@sph.com.sg  
Faks: 6319-8255  
**Meja Berita:** 6319-5353  
**Forum:** bhforum@sph.com.sg  
**Laman Internet Rasmi:**  
BeritaHarian.sg  
**Iklan:** 1800-289-9988  
**Langganan:** 6388-3838

### TUKARAN ASING

Mata wang	Tukaran bagi \$1	Mata wang	Nilai Tukaran
RM	3.103	AS\$ (S\$ bagi AS\$1)	1.427
Rupiah	9.338	Euro (S\$ bagi 1 Euro)	1.517
Baht	24.70	Paun (S\$ bagi 1 paun)	1.786
Aust\$	0.929		
Yen	80.22		
Peso F	34.85		
Rupee	47.59		
Riyal S	2.643		
HK\$	5.434		
NZ\$	0.966		
Renminbi	4.816		

### ZAKAT HARTA

Kadar nisab:  
**\$4,613**

**AL FIRDAUS TRAVELS PTE LTD**  
390 Victoria Street #01-23 Golden Landmark Singapore 188061  
Tel : 6297 2246 Fax : 6297 0456 email : alfi@singnet.com.sg

**2017 HARGA BERSIH**  
Termasuk Tax Makan 3x / Hotel 5\* & Medical Insurance

2017			
11Hari Madinah-Makkah	9Mar - 19Mar	QATAR	\$3,399
11Hari Madinah-Makkah	12Mar - 22Mar	QATAR	\$3,399
11Hari Madinah-Makkah	08May - 18May	EMIRATES	\$3,399
<b>AKHIR RAMADHAN (TERBANG LANGSUNG KE MADINAH)</b>			
16 Hari Madinah-Makkah	11Jun - 26Jun	QATAR	\$4,888
7 Hari B/Maq & Petra	19Sep - 25Sep	EMIRATES	\$2,865
<b>***VISA TERTAKLUK KEPADA KEMENTERIAN ARAB SAUDI***</b>			
<b>BADAL HAJI:</b> \$1100/- Sjil, Air Zam Zam, Sejadah & Kurma		<b>QURBAN &amp; AKIKAH - \$220/-</b> <b>KHATAMUL QURAN - \$500/-</b>	
<b>BADAL UMRAH: \$250/-</b>			
KAMI JUGA ADA MENYEDIAKAN TIKET-TIKET PENERBANGAN & WISATA KESELURUH DUNIA DENGAN HARGA RENDAH.			
Silah hubungi hotline kami 6297 2246 Untuk maklumat lanjut, Faseha: 9665 4200 / Feeraz: 9322 3244 / Seri : 9022 4184			
<b>***KHIDMAT YANG DIYAKINI!!!***</b>			

**BICARA AD-DIN - TINGKATKAN ILMU, TEBARKAN IHSAN**

**TAZKIRAH ZOHOR**  
**KUPASAN TAFSIR AL-QURAN**

SETIAP KHAMIS  
Ustaz Yazid

Setiap Isnin	Setiap Selasa	Setiap Rabu
Ustaz Azzahir Kupasan Tafsir Al-quran	Ustaz Sofyan Melahirkan Mukmin Professional	Ustaz Husin Kupasan Buku Riyadhus Solihin

**KULIAH DHUHA SETIAP SELASA**

Ustaz Abd Rahman  
Fardhu Ain & Kupasan Tafsir Surah An-Nisa

Dapatkan album solo pertama oleh Ustaz Nor Muhd  
**Cukup Bagiku Tuhan Ku**  
di Masjid Mujahidin

Pusat Pendidikan MeQar melahirkan generasi Qari Al-Quran. Hubungi kami untuk maklumat lanjut.

**shoptribute.sg**

Anjuran Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin  
500 Stirling Road Singapore 148952  
6473 7400  
Mujahidin-Mosque

Info@mujaahidin.mosque.org.sg

**BIRD'S EYE VIEW OF TENDER JOBS**  
Check out the most comprehensive collection of tender notices in The Straits Times Notices.

**NOTICES**